

03 FEB 2004

Khailan-Kebumi

JENAZAH IBU PERDANA MENTERI SELAMAT DIKEBUMI

KEPALA BATAS, 3 Feb (Bernama) -- Jenazah Datuk Khailan Hassan, ibu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, selamat dikebumikan di tanah perkuburan Masjid Al Jamiul Badawi di sini petang ini.

Jenazahnya disemadikan di sebelah pusara datuk Abdullah, Abdullah Fahim, tokoh ulama yang banyak berjasa dalam mengembangkan syiar Islam dan perjuangan menuntut kemerdekaan negara.

Ribuan orang termasuk Abdullah dan anggota keluarganya, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor yang memendekkan percutian di luar negara, serta beberapa menteri kabinet menghadiri pengkebumian itu.

Sebelum itu, Abdullah serta keluarganya dan beberapa orang kenamaan menyertai solat jenazah yang diimamkan oleh Imam Masjid Al Jamiul Badawi, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar.

Bacaan talkin pula disampaikan oleh Mufti Negeri Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad.

Khailan, 79, meninggal dunia pukul 5.05 petang semalam selepas mengadu sesak nafas.

Abdullah, 64, yang lantik Perdana Menteri kelima pada 31 Okt tahun lepas, merupakan anak sulung daripada empat beradik. Yang lain ialah Aminah, 60, Datuk Ibrahim, 57, dan Mohd Tahir, 50, yang tinggal bersamanya di rumah pusaka mereka di Jalan Perak di sini. Khalian mempunyai 10 cucu dan enam cicit.

Jenazahnya dibawa dari rumahnya pada pukul 3.10 petang dan pengemubian selesai pada 4.35 petang.

Ratusan orang termasuk 100 anggota Rejimen Askar Melayu dari Sungai Petani, Pulau Pinang dan Bukit Kayu Hitam, 60 anggota Tentera Udara Diraja Malaysia dan 60 anggota Rela dan Pemuda Umno berbaris sepanjang kira-kira 200 meter untuk mengusung jenazah ke masjid tersebut.

Sebelum itu, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra

Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Tun Abdul Rahman Abbas dan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali adalah antara lebih 10,000 orang yang memberi penghormatan terakhir untuk jenazah allahyarham.

Semasa hayatnya, Khailan banyak memberi sokongan kepada perjuangan suaminya, allahyarham Datuk Ahmad Badawi dalam Umno selain bergerak dalam Pertubuhan Wanita (WI) dan Umno cawangan di sini.

Keluarganya pada mulanya mahu mensemadikan allahyarham di sebelah pusara suaminya di tanah perkuburan yang sama tetapi di situ tidak ada tempat yang kosong.

Satu majlis tahlil untuk allahyarham akan diadakan di masjid tersebut malam ini. Abdullah dijangka turut hadir sebelum berlepas ke ibu negara malam ini.

Orang ramai dari segenap lapisan masyarakat dan pelbagai kaum dan kepercayaan tidak putus-putus datang ke kediaman pusaka Abdullah sejak petang semalam untuk memberi penghormatan terakhir dan mengucapkan takziah kepada beliau.

Selain menteri-menteri kabinet dan ketua-ketua menteri, Duta Besar Indonesia Drs KPH Rusdihardjo dan wakil kedutaan Timor Leste turut datang menziarah. Tidak ketinggalan pemimpin-pemimpin parti pembangkang serta beberapa artis tempatan.

Antara mereka ialah presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Wan Azizah Ismail dan Setiausaha Agung PAS Nasharuddin Mat Isa.

Polis mengawasi laluan masuk ke kediaman keluarga Abdullah. Laluan dari Jalan Maju ke Jalan Perak ditutup kepada kenderaan bagi melancarkan lalu lintas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara ACP Mohd Sharif Hassan berkata seramai 250 anggota keselamatan termasuk Polis Trafik dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) mula bertugas sejak pukul 5.30 petang semalam sehingga 5

petang ini.

Seorang penduduk tempatan kagum dengan kehadiran begitu ramai rakyat termasuk dari luar kawasan itu.

"Agaknya ini tandanya Pak Lah ini pemimpin yang disayangi rakyat," kata seorang penduduk pekan ini.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, yang merakamkan takziah anggota-anggota kabinet, berkata pemergian Khailan bukan sahaja satu kehilangan besar kepada keluarga Perdana Menteri dan masyarakat tetapi juga merupakan satu kehilangan seorang ibu mithali.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood tidak dapat menghadiri pengebumian ibu mentuanya kerana beliau sedang menjalani rawatan di luar negara.

Jurucakap Pejabat Perdana Menteri berkata Endon berlepas ke Amerika Syarikat pada 20 Jan lepas dan dijangka pulang pertengahan bulan ini.

Adik Abdullah, Datuk Ibrahim, yang sebelum ini berada di Australia sempat pulang tengah hari tadi untuk menziarahi jenazah ibunya.

--BERNAMA

NH SN NER MUN AZE ZU ZS MAI